



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**PEKELILING TIMBALAN NAIB CANSOLOR
BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR**

Bilangan 12 Tahun 2013

**PERLINDUNGAN KESIHATAN PELAJAR DI BAWAH SKIM PERKHIDMATAN
KESIHATAN PELAJAR UiTM**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Dekan Fakulti, Rektor Kampus Negeri dan Pelajar Universiti Teknologi MARA, berhubung dengan perlindungan kesihatan pelajar di bawah Skim Perkhidmatan Kesihatan Pelajar UiTM

PELAKSANAAN

2. Universiti Teknologi MARA telah menyediakan perkhidmatan kesihatan untuk semua pelajar sepenuh masa UiTM sepanjang tempoh pengajian di bawah Skim Perkhidmatan Kesihatan Pelajar. Ianya meliputi kemudahan rawatan perubatan dan pergigian yang disediakan di Pusat Kesihatan UiTM Shah Alam, Unit Kesihatan UiTM di Kampus-kampus Negeri, Hospital dan Klinik Kerajaan, Hospital Universiti, Institut Jantung Negara dan Hospital Angkatan Tentera di Malaysia.

Semua pelajar sepenuh masa yang telah mendaftar dan disahkan sebagai pelajar UiTM layak untuk mendapat perlindungan kesihatan di bawah skim ini sepanjang tempoh pengajiannya. Pelajar yang menjalani latihan praktikal di organisasi luar, berada di luar kampus atas urusan rasmi universiti seperti menghadiri seminar, terlibat dalam pertandingan atau program seperti sukan, debat dan program-program pembangunan pelajar serta akademik yang dijalankan dalam negara serta telah diluluskan oleh pihak universiti adalah juga dilindungi di bawah skim ini.

Walaupun bagaimanapun, pelajar yang menjalani aktiviti atau terlibat dalam program di luar negara tidak dilindungi di bawah skim ini. Bagi program yang dijalankan di luar negara, penganjur perlu membeli polisi insurans berasingan.

Maklumat penuh skim ini boleh dilayari di laman web Pusat Kesihatan <http://pusatkesihatan.uitm.edu.my>

TARIKH DIKELUARKAN

3. Pekeliling ini dikeluarkan pada 22 Julai 2013

TARIKH KUAT KUASA

4. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 22 Julai 2013

PEMAKAIAN

5. Pemakaian Pekeliling ini adalah untuk semua pelajar sepenuh masa Universiti Teknologi MARA.



PROF. DATO' DR. ABDULLAH MOHAMAD SAID
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Dikeliling Kepada:

1. *Y. Bhg. Tan Sri Dato' Sri Naib Canselor*
2. *Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)*
3. *Rektor UiTM Kampus Negeri*
4. *Dekan Fakulti*
5. *Pengarah Pembangunan Pelajar (HEP)*
6. *Pengarah Pusat Kesihatan*
7. *Timbalan Rektor (HEP) UiTM Kampus Negeri*
8. *Ketua Timbalan Pendaftar (HEP)*
9. *Pengetua-Pengetua Kolej*
10. *Ketua Unit Kemudahan Kolej*
11. *Pengurus-Pengurus Asrama Kolej*
12. *Ketua Polis Bantuan UiTM*
13. *Ketua Unit Pengurusan NR (Non Resident)*
14. *Ketua Unit Pengurusan Kebajikan Pelajar, HEP*
15. *YDP Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)*
16. *YDP Majlis Perwakilan Kolej (JPK), Kolej Kediaman*

Bil Fail : 100-HEP (PT .6/5).

Tarikh : 22 Julai 2013